



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 17/2020

PELANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) HINGGA 28 APRIL 2020

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pelanjutan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga 28 April 2020 sepertimana arahan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Perintah kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

2. Semua warga UMK diminta mematuhi arahan-arahan berikut:

a) Penutupan Sementara Operasi Semua Kampus UMK

Semua operasi kampus UMK iaitu UMK Bachok, UMK Kampus Kota dan UMK Kampus Jeli serta Pejabat Pentadbiran UMK Kuala Lumpur **DITUTUP SEPENUHNYA** untuk sebarang urusan **sehingga 28 April 2020**.

Semua staf perlu berada di rumah kediaman masing-masing dan mematuhi arahan serta Perintah Kawalan Pergerakan oleh pihak berkuasa.

b) Pelaksanaan Arahan Bekerja Dari Rumah (Work From Home)

Semua staf **DIKEHENDAKI MELAKSANAKAN KERJA DARI RUMAH** sepertimana arahan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 16/ 2020. Staf **HENDAKLAH MEREKODKAN KEHADIRAN** menggunakan Portal e-community (<http://ecomm.umk.edu.my>) sepanjang tempoh bekerja dari rumah (work from home). Staf bukan akademik perlu *check in* dan *check out* mengikut waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang untuk hari Ahad hingga Rabu dan 8.00 pagi hingga 3.30 petang untuk hari Khamis. Manakala bagi staf akademik perlu *check in* sahaja dalam tempoh antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Bagi pelaksanaan ini, staf boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Work From Home) Berikutan Langkah Kawalan Pergerakan dan Penutupan Premis Kerajaan (Kemaskini 26 Mac 2020).

Selaras dengan Arahan Bekerja Dari Rumah, staf juga **DIKEHENDAKI MENGISI PERANCANGAN KERJA SERTA STATUS TINDAKAN** menggunakan Portal e-community (<http://ecomm.umk.edu.my>).

Walau bagaimanapun, atas kepentingan perkhidmatan, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) boleh meminta staf hadir ke pejabat. Ketua PTj hendaklah memastikan penggiliran kerja dibuat dengan bilangan staf yang minimum pada satu-satu masa. Ketua PTj juga hendaklah mengeluarkan arahan secara rasmi melalui surat atau emel kepada staf dan perlu dimaklumkan kepada Bahagian Keselamatan. Staf yang diminta hadir ke pejabat perlu mengisi borang pergerakan melalui Portal e-community (<http://ecomm.umk.edu.my>) bagi mendapatkan Surat Kelulusan Pergerakan.

c) Pelaporan Prestasi Mingguan Pusat Tanggungjawab (PTj)

Bagi memastikan perancangan dasar, misi dan tugas Universiti tetap berjalan seperti biasa walaupun di dalam tempoh PKP, semua Ketua PTj **PERLU MENYEDIAKAN LAPORAN PRESTASI PTJ MASING-MASING SECARA MINGGUAN** untuk dilaporkan kepada Naib Canselor. Pelaporan prestasi PTj perlu dikemukakan **PADA SETIAP HARI KHAMIS BERMULA 23 APRIL 2020**.

d) Pelaksanaan Aktiviti Penyelidikan dan Penulisan

Semua staf akademik/ penyelidik perlu memanfaatkan tempoh PKP dengan pelaksanaan aktiviti penyelidikan serta mematuhi Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan yang telah disediakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan juga Siaran Media Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertarikh 10 April 2020 – Kebenaran Beroperasi Diberi Kepada Sektor Tambahan Bagi Melindungi Ekonomi Negara Pasca COVID-19.

Tempoh masa PKP juga perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan penulisan artikel, bab dalam buku dan penulisan-penulisan ilmiah lain.

e) Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Secara ePembelajaran

Semua sesi pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan secara ePembelajaran bermula 26 April 2020 hingga 4 Jun 2020. Pelajar perlu melapor diri di kampus semula secara berperingkat bermula pada 7 Jun 2020 sehingga 13 Jun 2020, tertakluk kepada perubahan PKP.

f) Pengisian UMK Care Sistem 'Smart Tracking'

Semua warga UMK **DIWAJIBKAN MEMASANG PERISIAN APLIKASI UMK CARE SISTEM 'SMART TRACKING'** di telefon bimbit masing-masing dan mengisi maklumat yang diperlukan. Sistem ini bertujuan untuk mengesan lokasi berdasarkan koordinat GPS yang akan dipadankan dengan kawasan berisiko COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mengetahui tahap kesihatan dan status mengikut rantaian wabak COVID-19 dalam kalangan staf dan pelajar UMK sepanjang tempoh PKP.

3. Arahan-arahan lain yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 14/2020, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 15/2020 dan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 16/2020 adalah masih terpakai.
4. Semua warga UMK dipohon mengambil maklum mengenai pekeliling ini serta sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
5. Semua warga UMK juga diminta untuk sentiasa mengambil cakna sebarang pemberitahuan oleh pihak universiti yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui emel, portal serta media sosial rasmi universiti.
6. Pengurusan UMK mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas kesihatan dan keselamatan, staf, pelajar dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menghadapi krisis ini.
7. Pengurusan UMK juga menyeru agar warga UMK mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan semua dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 15 April 2020 hingga 28 April 2020.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


MAZULA BINTI SABUDIN
Pendaftaran

10 APRIL 2020

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
 - Fail Edaran